

MB mengadap cari penyelesaian

KUALA LUMPUR, Rabu — Para Menteri Besar di sembilan buah negeri di Semenanjung Malaysia dijangka mengadap raja masing-masing sedikit masa lagi dalam usaha mencari penyelesaian bagi masalah yang dihadapi sekarang berhubung dengan pindaan Perlembagaan.

Mereka juga dijangka menyerahkan memorandum kepada raja masing-masing untuk menjelaskan kedudukan sebenar pindaan itu.

Langkah ini adalah selaras dengan keputusan yang dibuat oleh semua Menteri Besar dalam mesyuarat mereka di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Usaha itu adalah sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyelesaikan kebuntuan sekarang bersabit

dengan kelewatan mendapatkan perkenan diraja bagi rang undang-undang pindaan itu yang telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara Ogos lalu.

Satu usaha lain ialah pertemuan antara rombongan Majlis Tertinggi Umno dengan pihak raja-raja yang dijadualkan di Istana Bukit Kayangan Shah Alam pada 20 November.

Rombongan Umno

Rombongan Majlis Tertinggi Umno itu dijangka diketuai oleh Setiausaha Agung Barisan Nasional yang juga salah seorang Naib Presiden Umno Encik Abdul Ghafar Baba.

Lain-lain anggota ialah seorang lagi Naib Presiden, Datuk Haji Harun Idris, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mohamed Isa, Setiausaha Agung Datuk Haji Mustafa Jabar dan Puan Marina Yusoff.

Besar kemungkinan pertemuan antara para Menteri Besar dan raja masing-masing itu

akan diadakan sebelum rombongan Majlis Tertinggi Umno itu mengadap.

Bagaimanapun, usaha untuk mendapatkan pengesahan perkara ini — kecuali Negeri Perlis — gagal hari ini.

Di Johor Bahru, satu sumber berkata sebarang keputusan mengenai perkara itu akan hanya dibuat setelah keberangkatan pulang Sultan dari luar negeri.

Baginda dijangka berangkat pulang esok setelah di Hawaii sejak 27 Oktober.

Bagaimanapun, Menteri Besar Datuk Ajib Ahmad berkata malam tadi bahawa Johor mempunyai caranya sendiri untuk menyelesaikan masalah itu secara diam-diam.

Di Ipoh, jurucakap pejabat Menteri Besar berkata Badan Perhubungan Umno Negeri akan mengadakan mesyuaratnya Sabtu ini.

Mesyuarat itu yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam selaku Ketua Perhu-

bugan dijangka akan membincangkan isu itu dan kandungan memorandum yang mungkin akan dipersembahkan kepada Sultan.

Kepulangan

Di Alor Star, seorang jurucakap kerajaan berkata tindakan selanjutnya mengenai isu itu akan hanya dibincangkan setelah kepulangan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dari luar negeri.

Beliau dijangka pulang pada 15 November ini.

Di Kuantan, Timbalan Menteri Besar Datuk Haji Abdul Rashid Abdul Rahman berkata isu itu telah pun dikaji dengan teliti.

Bagaimanapun keputusan sewajarnya akan hanya dibuat oleh Menteri Besar Datuk Najib Tun Razak kembalinya dari luar negeri. Datuk Najib yang kini mengetahui satu rombongan galakan pelaburan negeri melawat Taiwan dan Hong Kong dijangka pulang 16 November ini.